

12/11/1999

Mengundi 28 November? (HL)

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Khamis - Hari mengundi bagi pilihan raya umum kesepuluh kemungkinan besar diadakan pada 27 dan 28 November ini, manakala penamaan calon dijangka diadakan 10 hari sebelum itu.

Pengundian di Sabah dan Sarawak diadakan selama dua hari bermula 27 November, manakala pengundian di Semenanjung pada keesokannya.

Jangkaan ini berdasarkan persiapan yang perlu dilakukan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi memastikan pilihan raya umum kali ini berjalan lancar.

Walaupun Akta Pilihanraya 1958 memperuntukkan tarikh pembuangan undi boleh diadakan paling awal 11 hari selepas SPRewartakan notis pilihan raya umum, badan itu dijangka sukar melaksanakannya.

SPR akan bermesyuarat pada jam 10 pagi esok untuk menetapkan tarikh penamaan calon dan hari mengundi bagi pilihan raya umum kesepuluh berikutan pengumuman pembubaran Parlimen oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

Setiausaha SPR, Datuk Wan Ahmad Wan Omar berkata, berdasarkan kesediaan badan itu, paling awal pilihan raya umum kali ini boleh diadakan selepas 16 hari dari tarikh pewartaan notis.

Beliau berkata, walaupun mengikut akta itu, pilihan raya umum kali ini boleh diadakan seawal 21 November, SPR agak sukar melaksanakannya.

"Ia kelihatan amat sukar sekali. Tempoh itu memadai dari segi undang-undang tetapi masa bagi SPR membuat persediaan berkaitan prosedur, mengeluarkan notis writ dan soal pentadbiran lain, begitu sukar sekali.

"Begitu juga dari segi tarikh penamaan calon. Walaupun mengikut akta, ia boleh diadakan empat hari selepas SPRewartakan notis, kami memerlukan tujuh hingga lapan hari untuk mengadakan penamaan calon," katanya kepada Berita Harian hari ini.

Walaupun peperiksaan Sijil Peperiksaan Malaysia (SPM) dijadualkan bermula 22 November hingga 10 Disember dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) pada 17 November hingga 13 Disember, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini berkata, kementeriannya boleh meminda tarikh dua peperiksaan itu jika ia bertembung dengan tarikh pilihan raya.

Kira-kira 70 peratus daripada 109,000 petugas SPR ialah guru dan 70 peratus pusat mengundi juga membabitkan bangunan sekolah.

Mengikut Akta Pilihanraya 1958, tarikh penamaan calon boleh ditetapkan sekurang-kurangnya empat hari selepas SPRewartakan notis pilihan raya umum, manakala hari membuang undi boleh ditetapkan seawal-awalnya tujuh hari selepas penamaan calon, menjadikannya 11 hari.

Ini bermakna penamaan calon boleh diadakan seawal Isnin ini selepas SPRewartakan notis pilihan raya esok, manakala hari membuang undi boleh diadakan seminggu kemudian iaitu 21 November ini (Ahad), dengan tempoh berkempen selama enam hari.

Jika pembuangan undi diadakan pada 27 November, hari penamaan calon boleh diadakan seawal 18 November dan memberi masa berkempen 10 hari, sama dengan tempoh kempen dalam tiga pilihan raya umum sebelum ini.

Bagaimanapun, SPR masih boleh memilih tarikh selepas 27 November seperti 4 dan 5 Disember yang jatuh pada Sabtu dan Ahad. Seminggu selepas itu, umat Islam mula berpuasa.

Selain itu, SPR juga boleh memilih tarikh lain dalam tempoh 60 hari Parlimen dibubarkan termasuk pada hari bukan Sabtu dan Ahad. Malah, pilihan raya umum 1995 diadakan pada Isnin dan Selasa.

Wan Ahmad menjelaskan, banyak prosedur pentadbiran perlu diselesaikan sebelum penamaan dan pembuangan undi sepertiewartakan notis pilihan raya, mengeluarkan writ kepada pegawai pengurus pilihan raya dan urusan lain.

Katanya, semua itu tidak disebut dalam Perlembagaan dan sebab itu, SPR menggunakan budi bicaranya sendiri bagi menentukan tarikh penamaan calon, tempoh berkempen dan hari membuang undi.

Beliau berkata, jika mengikut undang-undang, pilihan raya boleh diselesaikan seawal 11 hari tetapi atas budi bicara SPR, ia hanya boleh diselesaikan seawal 16 hari.

"Kita harus mengambil kira proses SPR bagi mengendalikan pilihan raya dari segi pentadbiran. Misalnya, untuk mengeluarkan writ kepada pegawai pengurus pilihan raya memerlukan sekurang-kurangnya dua hari.

"Kemudian sekurang-kurangnya satu dua hari lagi diperlukan untuk pegawai pengurus pilihan raya memberikan notis kepada rakyat di semua bahagian bagi memberitahu rakyat bahawa Parlimen dan Dewan Undangan Negeri dibubar untuk diadakan pilihan raya," katanya.

Wan Ahmad berkata, mesyuarat esok membincangkan empat perkara utama - tarikh writ pilihan raya untuk dikeluarkan kepada pegawai pengurus pilihan raya, tarikh notis pilihan raya untuk diwartakan, tarikh penamaan calon dan tarikh membuang undi.

(END)